

# DIAMOND VITAMIN SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Vitamin A / Vitamin D3 / Vitamin C / Vitamin B1 (15,000IU / 3000IU / 400mg / 25mg per 100ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diamond Vitamin Syrup
2. Bagaimana Diamond Vitamin Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Diamond Vitamin Syrup
4. Cara menggunakan Diamond Vitamin Syrup
5. Semasa menggunakan Diamond Vitamin Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diamond Vitamin Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Diamond Vitamin Syrup

Suplemen vitamin yang komprehensif untuk memberi nutrisi sokongan harian.

Vitamin A: Membantu mengelakkan rabun malam dan diperlukan untuk kesihatan kulit dan mata.

Vitamin D3: Penting untuk kekuatan gigi dan tulang.

Vitamin C: Membantu menguatkan tulang, gigi, saluran darah dan menguatkan sistem pertahanan badan melawan penyakit.

Vitamin B1: Merangsang selera makan.

## Bagaimana Diamond Vitamin Syrup berfungsi

Vitamin A: Penting untuk fungsi retina yang normal dan pengawalan pertumbuhan.

Vitamin D3: Penting untuk menggalakkan penyerapan dan penggunaan kalsium dan fosfat untuk pertumbuhan tulang yang normal.

Vitamin C: Penting untuk pembentukan kolagen dan pembaikan tisu dalam badan.

Vitamin B1: Penting untuk metabolisma tenaga.

## Sebelum menggunakan Diamond Vitamin Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Diamond Vitamin Syrup.

- Sebelum mula menggunakan

Diamond Vitamin Syrup

Beritahu doktor jika anda mempunyai masalah- masalah berikut:

- Kesan toksik akibat pengambilan vitamin A yang berlebihan.
- Kandungan kalsium yang tinggi dalam darah.
- Pembuangan bahan yang dikenali oxalat dalam air kencing yang berlebihan.
- Kegagalan kronik dan gangguan asid-alkali.
- Fungsi buah pinggang terjejas.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Diamond Vitamin Syrup

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak di bawah 2 tahun: ½ sudu teh (2.5ml)

Kanak-kanak selepas 2 tahun: 1 sudu teh (5ml)

Dewasa: 2 sudu teh (10ml)

Diamond Vitamin Syrup boleh dicampur dengan susu, jus buah atau makanan sebagai pilihan.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Untuk diambil sekali sehari. Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Diamond Vitamin Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Diamond Vitamin Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Diamond Vitamin Syrup.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Diamond Vitamin Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Dos yang lebih tinggi dari disyorkan dan diberi untuk jangka masa panjang perlu dielakkan.

## Kesan-kesan sampingan

Untuk dos yang disyorkan, kesan-kesan sampingan adalah tidak mungkin untuk berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

# DIAMOND VITAMIN SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Vitamin A / Vitamin D3 / Vitamin C / Vitamin B1 (15,000IU / 3000IU / 400mg / 25mg per 100ml)

---

## Cara penyimpanan dan pelupusan

### Diamond Vitamin Syrup

#### Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak  
Lindungi daripada cahaya  
Simpan di tempat kering pada suhu bilik.  
Pastikan bekas ditutup rapat  
Goncang sebelum guna

#### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

#### - Rupa dan warna produk

Sirap vitamin berperisa oren.

#### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Vitamin A, Vitamin D3, Vitamin C, Vitamin B1

- Bahan-bahan tidak aktif

Orange flavour 63/0306, Sunset Yellow, Metylparaben, Propylparaben, Rhodigel, Liquid Glucose, Syrup, Sodium saccharin, Sodium Metabisulphite, Sodium Benzoate & Purified Water

#### - Nombor MAL

MAL19911408X

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran

### Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

31/01/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)300118/00032